



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA (D.3 EB.4-5)  
PUSAT DA'WAH ISLAMIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA  
PUSAT DA'WAH ISLAMIAH  
KEMENTERIAN HAL EH WAL UGAMA  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) *BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (Darjah VI) bagi pemohon yang bukan dari aliran Sekolah Arab.
3. Hendaklah tahu membaca Al-Quran, membaca dan menulis jawi dengan baik.
4. Berpengalaman dan berpengetahuan yang baik dalam penyebaran da'wah (media cetak, media massa dan bidang penulisan / penerbitan) adalah kelebihan.
5. Berkebolehan dalam menggunakan (*ICT*) dengan baik.
6. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Sebagai *Focal Person* Ketua Bahagian dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran Bahagian;
2. Membantu Unit / Bahagian menyelaras aktiviti dan program-program yang dikendalikan oleh Bahagian ditempatkan bertugas;
3. Ikut serta melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkembangan da'wah sama ada berda'wah di kawasan bandar atau pedalaman;
4. Sebagai penyelaras dan membantu Ketua Bahagian dalam meningkatkan usaha menyediakan program-program berkaitan penyebaran ajaran ugama islam; dan
5. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.